



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Tun M: Inilah Perjuangan

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad adalah satu nama yang cukup dikenali rakyat Malaysia. Tempoh 22 tahun memimpin Malaysia dengan gelaran Perdana Menteri Malaysia sememangnya memberi impak besar kepada negara. Figura yang dikenali sebagai Bapa Pemodenan Malaysia itu adalah seorang pemimpin berpengaruh di dunia. Kejayaan membangunkan projek-projek mega seperti pembinaan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Berkembar PETRONAS, dan pengenalan jenama kereta PROTON menjadikan Malaysia terkenal. Ternyata idea-idea berasal beliau membawa Malaysia ke satu tahap yang tinggi. Tempoh 22 tahun adalah satu tempoh yang gemilang buat beliau dengan kecemerlangan memacu negara. Sumbangan kepada negara membuatkan nama beliau disegani kawan dan lawan.

Sehubungan itu, PTS Media Group akan menerbitkan sebuah buku berkenaan beliau yang bertajuk *Tun M: Inilah Perjuangan*. Ia adalah karya terbaru daripada penulis Sabarudin Hussein. Penulis yang juga usahawan, penterjemah, dan pengkaji sejarah banyak menghasilkan buku bergenre sejarah. Antara karya beliau adalah *Apa Salah Syiah?* dan *Yahudi, Syiah, dan Dajal Penyebar Fitnah, Pemesong Akidah*. Karya lain juga yang diterbitkan bersama PTS adalah *Konspirasi Yahudi: Perang & Penaklukan, Perang Arab Israel: Selagi Belum Kiamat*, dan *Agenda Yahudi Menakluki Dunia*.

Penulis cuba mengadaptasikan setiap perbualannya dengan mantan Perdana Menteri itu ke dalam buku. Bagi penulis, hasil kerja beliau ini bukan seperti kebanyakan buku yang bercerita tentang biografi figura tertentu. Sebaliknya dalam buku ini, beliau ingin menonjolkan sisi lain kehidupan Tun Mahathir. Ia adalah satu tulisan yang menggambarkan tentang jenaka, keikhlasan, dan bagaimana pemikiran Tun Mahathir. Penulisan buku ini berlainan daripada buku-buku bergenre biografi dan belum pernah dihasilkan penerbitan lain.

Menarik tentang karya ini adalah penghasilannya tidak berpandukan rujukan lain. Apa yang didokumenkan ke dalamnya adalah secara terus daripada mantan Perdana Menteri kepada penulis. Buku ini juga tidak diklasifikasikan sebagai buku yang bersifat sejarah ataupun novel. Ia dihasilkan berdasarkan pandangan dan catatan penulis yang dipersembahkan dengan penceritaan berdialog. Apa yang menarik, ia dikupas dengan pelbagai wajah dan nada sendiri.

Buku ini sesuai dimiliki oleh pembaca kerana ia satu karya unik mengisahkan seorang figura yang hebat dan dikagumi. Pembaca dapat memahami dan mengetahui lebih mendalam tentang bekas pemimpin nomor satu negara itu.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my